

KATA ARAH

- 1 Kata arah ialah perkataan yang digunakan untuk menunjukkan hala atau jurusan.
- 2 Dari segi penggunaan, kata arah biasanya didahului oleh kata sendi nama **di**, **dari**, dan **ke**.
- 3 Yang berikut ialah contoh kata arah dan penggunaannya dalam ayat.

Kata Arah	Penggunaannya dalam ayat
tepi	Dia meletakkan keretanya di tepi stesen bas.
dalam	Pak Abu membuang kertas itu ke dalam tong sampah.
belakang	Ahmad menyimpan guni-guni padi itu di belakang rumah.
sisi	Aida mengalihkan pasu bunga itu ke sisi tingkap.
kanan	Bangunan itu terletak di kanan Jalan Sentosa.
antara	Kuala Lumpur terletak di antara Johor Bahru dengan Ipoh.
tengah	Pak Hashim membubuh baja di pangkal pokok pisang itu.
bawah	Kucing itu tidur di bawah meja.
timur	Matahari terbit di timur setiap pagi.
sudut	Nama syarikat tertera di sudut atas sampul surat itu.
penjuru	Kanak-kanak itu bermain dengan mainannya di penjuru bilik.
luar	Kebanyakan barang itu diimport dari luar negara.
samping	Kamariah duduk di samping ibunya.
hadapan	Cikgu Talib mendudukkan murid yang nakal itu di hadapan kelas.
segi	Perbuatan itu adalah salah dari segi undang-undang.
hujung	Di hujung jalan sana, akan didirikan sebuah pondok tempat menunggu bas.
atas	Ibu menyimpan ikan salai itu di atas para-para di dapur rumah.
selatan	Kereta api mel itu bergerak menuju ke selatan Semenanjung Malaysia.

INFO BAHASA

- 1 Kata arah **dalam** dan **antara** juga berfungsi sebagai kata sendi nama.
- 2 Yang berikut ialah contoh penggunaan **dalam** dan **antara** sebagai kata sendi nama.
 - (a) Mereka tidak terlibat **dalam** pergaduhan itu.
 - (b) Penduduk kampung itu hidup dalam keadaan miskin.
 - (c) Persahabatan **antara** Mei Mei dengan Lalita sangat akrab.
 - (d) Kuih itu dibahagikan sama rata **antara** murid-murid itu.

NOTA

Fungsi **dalam** dan **antara** sebagai kata arah dalam ayat dapat dibezakan daripada fungsinya sebagai kata kata sendi nama. Hal ini demikian kerana **dalam** dan **antara** sebagai kata arah akan didahului oleh kata sendi nama **di**, **ke**, atau **dari**.